

18/11/1999

Ah Lek umumkan hasrat bersara daripada politik

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek hari ini mengumumkan hasratnya untuk bersara daripada politik untuk menghabiskan masanya bersama keluarga.

Dengan keputusan itu, Lim dijangka tidak mempertahankan kerusi Parlimen Bentong di Pahang dan melepaskan jawatan dalam Kabinet selaku Menteri Sumber Manusia.

Beliau berkata, keputusan bersara dari arena politik sudah dirancang sejak pilihan raya 1995 lagi dan bukan dibuat tiba-tiba atau atas desakan mana-mana pihak.

"Saya sudah berkecimpung dalam bidang politik selama lebih 25 tahun dan masanya sudah tiba untuk mengundur diri serta memberi laluan kepada muka baru dalam MCA.

"Sehubungan itu, saya meminta semua pihak supaya tidak mempolitikkan atau membuat sebarang spekulasi berhubung keputusan tidak bertanding ini," katanya di ibu pejabat Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso), di sini petang ini.

Ini adalah kali pertama Lim mengumumkan hasrat untuk melepaskan semua kedudukannya dalam politik dan kerajaan. Khabar angin berhubung kedudukan beliau muncul sejak beberapa hari lalu ketika MCA menamakan calon untuk bertanding pada pilihan raya kali ini.

Bagaimanapun, Lim berkata keputusannya untuk bersara itu masih tertakluk kepada persetujuan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya sudah menulis kepada Perdana Menteri dan mengucapkan terima kasih kepada beliau atas peluang yang diberi selama ini," katanya.

Beliau menjelaskan, pucuk pimpinan parti perlu menghormati keputusan itu kerana ia adalah janji yang dibuat pada pilihan raya lampau, bahawa pada akhir penggal ini, beliau akan mengundur diri.

"Sehubungan itu, keputusan bersara ini adalah sesuatu yang sudah lama dirancang sejak lebih 10 tahun lalu, maka tidak perlu menjadikan persaraan itu sebagai suatu isu politik yang digembar-gemburkan," katanya.

(END)